



30 Ogos 2016
30 August 2016
P.U. (A) 230

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN
DAN PERINDUSTRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR) 2016

*LICENSING OF TRADES, BUSINESSES AND INDUSTRIES
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen diperlukan bagi aktiviti perniagaan
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen
5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

BAHAGIAN III
PERUNTUKAN KHAS UNTUK STOR KAYU

Undang-
undang
kecil

13. Larangan pembakaran habuk kayu dan buangan kayu

BAHAGIAN IV
PERUNTUKAN KHAS UNTUK KEDAI DOBI

14. Takrif
15. Penentuan dinding dan lantai
16. Kehendak khas bagi kedai dobi
17. Larangan meminjamkan pakaian

BAHAGIAN V
PERUNTUKAN KHAS UNTUK PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

18. Takrif
19. Larangan penyekatan keseluruhan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan

BAHAGIAN VI
PERUNTUKAN AM

20. Larangan
21. Pemeriksaan perubatan
22. Daftar pekerja
23. Kehendak kebersihan dan penyenggaraan premis perniagaan
24. Pelupusan sampah
25. Pembuangan cecair kotor atau sampah

Undang-undang kecil

26. Pengudaraan dan pencahayaan
27. Ruang yang sesak dilarang
28. Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu
29. Bahan mudah terbakar
30. Penyimpanan
31. Pembakaran
32. Efluen
33. Penyebaran habuk, dsb.
34. Kacau ganggu
35. Waktu menjalankan aktiviti perniagaan
36. Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan
37. Pengecualian
38. Penalti
39. Pembatalan dan peruntukan peralihan

Jadual

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti perniagaan” ertinya apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“fi lesen” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;